

BH147

R GB 16-09 00192

AAB

PERATUSAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM BELUM DITETAPKAN.
Mahathir - Gaji

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Kabinet belum menentukan peratusan pelarasan gaji baru bagi 850,000 kakitangan awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, penyediaan butiran kenaikan gaji kakitangan awam secara menyeluruh mengikut penyusunan semula struktur perkhidmatan awam adalah kompleks dan oleh itu mengambil masa.

Kajian itu kini dalam peringkat akhir dan dijangka siap akhir tahun ini, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang dekat sini, sebelum berlepas ke Mexico untuk lawatan rasmi enam hari.

Beliau juga berkata, kerajaan telah mengadakan perjumpaan dengan Cuepacs pada awal tahun ini mengenai butiran kenaikan gaji kakitangan awam.

Pada 23 Januari lepas Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji sementara sebanyak lima peratus daripada gaji pokok kepada semua kakitangan awam. Kenaikan gaji sementara itu yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1991 membabitkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan lebih \$400 juta.

Ketika mengumumkan kenaikan gaji sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah berkata bahawa penyusunan semula struktur gaji kakitangan awam yang menyeluruh akan dilaksanakan sebelum akhir tahun ini. -- Bernama

♥16/09/17-18MST